# Manual Pengguna

*Online Application System (OAS)*

***Pemohon & Pengguna OAS***

***JG 11 : Permohonan Lesen Gas Persendirian***

# Contents

**Pengenalan** .......... **3**

**Log Masuk ke dalam OAS** .......... **3**

Dokumen Sokongan .......... 5

Bahagian A – Maklumat Pemohon .......... 6

Bahagian B – Butiran Orang Bertanggungjawab .......... 7

Bahagian C – Butiran Orang Kompeten .......... 8

Bahagian D – Pengakuan Pemohon .......... 9

Pendaftaran Berjaya Dihantar .......... 9

# Pengenalan

Lesen Gas Persendirian diberi kepada seseorang yang membekalkan dan menggunakan gas melalui talian paip gas di harta atau premisnya sendiri atau harta atau premis pemunya atau penduduk tetapi tidak termasuk orang yang mendapatkan bekalan gas daripada pemegang Lesen Penggunaan Gas. Selaras dengan kehendak Akta Bekalan Gas 1993:

Seksyen 11 – "tiada seorang pun boleh membekalkan gas melalui apa-apa talian paip melainkan jika orang itu dilesenkan"

Seksyen 30 – "menjadi kesalahan sekiranya pihak tuan mengendali pepasangan tanpa lesen yang sah"

# Log Masuk ke dalam OAS




1. Masukkan alamat portal OAS ke pelayar (*browser*) anda.
2. Pada kotak Log Masuk, taipkan Alamat Emel dan Kata Laluan yang digunakan semasa pendaftaran.
3. Tekan bebutang **Log Masuk**.
4. Selepas login pengguna akan mendapat akses menu seperti berikut
   - Dashboard
   - E-Application
   - Maklumat Pengguna (*bagi pengguna Individu)*
   - Maklumat Syarikat (*bagi pengguna Syarikat)*
   - Kata Laluan (*untuk menukar Kata Laluan)*

# JG 11: Permohonan Lesen Gas Persendirian







1. Klik pada menu **e-Application**.
2. Klik pada pautan **JG 11: Permohonan Lesen Gas Persendirian.**
3. Pilihan jenis permohonan akan dipaparkan sama ada **Permohonan Baru** atau **Permohonan Pembaharuan.** Sila pilih salah satu.
4. Borang permohonan JG11 akan dipaparkan.

## Dokumen Sokongan



Dokumen Sokongan | Bahagian A | Bahagian B | Bahagian C | Bahagian D

DOKUMEN SOKONGAN

Pemohon boleh memuat naik dokumen sokongan seperti senarai di bawah.
***Makluman : Dokumen sokongan yang tidak dimuat naik perlu dihantar ke pejabat Suruhanjaya Tenaga***

| No. | Keterangan | Muat Naik Dokumen |
|---|---|---|
| 1. | Salinan Perakuan Kelulusan Untuk Mengendali (ATO). ***(Permohonan Baru Sahaja)*** | Muat naik |
| 2. | *Sekiranya pepasangan melibatkan premis komplek komersil, maklumat tambahan berikut hendaklah disertakan :*<br>(a) Nama Orang Bertanggungjawab Di Premis<br>(b) Prosidur Keselamatan Bagi Kendalian, Senggaraan Dan Pembaikan Pepasangan.<br>***(Permohonan Baru Sahaja)*** | Muat naik |
| 3. | Salinan Lesen Gas Persendirian (tahun terdahulu). ***(Permohonan Pembaharuan Sahaja)*** | Muat naik |
| 4. | Laporan penyenggaraan berkala sistem paip gas oleh orang kompeten (setiap dua tahun sekali).<br>***(Permohonan Pembaharuan Sahaja)*** | Muat naik |

Seterusnya »

1. Tab dokumen sokongan akan dipaparkan.
2. Pemohon boleh memuat naik dokumen sokongan seperti yang disenaraikan dengan klik pada butang **Muat Naik**.
3. Dokumen yang dimuat naik boleh dihapuskan dengan klik pada butang **Hapus** jika diperlukan.
4. Dokumen sokongan yang tidak dimuat naik perlu dihantar ke pejabat Suruhanjaya Tenaga.
5. Klik pada pautan **Seterusnya** atau **Bahagian A.**

## Bahagian A – Maklumat Pemohon



Dokumen Sokongan | Bahagian A | Bahagian B | Bahagian C | Bahagian D

Bahagian A : MAKLUMAT PEMOHON

Kelas Pepasangan Yang Dipohon : Kelas I

No. Rujukan Kelulusan Untuk Mengendali (ATO) :

**1. Pemohon**

| | |
|---|---|
| Nama | : Azman Ali |
| No. MyKad | : 780919145567 |
| Jawatan | : Pengurus Projek |
| Alamat | : No. 3-2 Maju Tower<br>Jalan Angsana<br>Putrajaya Park |
| Poskod | : 56000 |
| Bandar | : PUTRAJAYA |
| Negeri | : W.P Putrajaya |

**2. Syarikat/Perniagaan**

| | |
|---|---|
| Nama Syarikat | : Power Hackers Solution Sdn. Bhd |
| No. Pendaftaran Syarikat | : 90212T |
| Alamat | : No. 3-2 Maju Tower<br>Jalan Angsana<br>Putrajaya Park |
| Poskod | : 56000 |
| Bandar | : PUTRAJAYA |
| Negeri | : W.P Putrajaya |
| No. Telefon | : 0123660808 |
| No. Faksimili | : 0355055999 |

« Sebelumnya    Seterusnya »

1. Bahagian A hanya akan memaparkan maklumat pemohon berdasarkan maklumat pendaftaran e-registration.
2. Sila lengkapkan maklumat **Kelas Pepasangan Yang Dipohon** dan **No. Rujukan Kelulusan Untuk Mengendali (ATO)** .
3. Klik pada pautan **Seterusnya** atau **Bahagian B.**

## Bahagian B – Butiran Orang Bertanggungjawab




1. Klik pada pautan **Tambah Maklumat Orang Bertanggungjawab.**




2. Lengkapkan maklumat **Nama Orang Bertanggungjawab yang berkhidmat dengan premis**.
3. Klik pada butang **Simpan.** Ulang proses (1) untuk menambah maklumat yang lain.
4. Klik pada pautan **Seterusnya** atau **Bahagian C.**

## Bahagian C – Butiran Orang Kompeten




1. Klik pada pautan **Tambah Maklumat Orang Kompeten.**




2. Masukkan No. Mykad dan klik butang **Cari.**
3. Klik pada butang **Tambah Kompeten.**
4. Ulang proses (1) untuk menambah maklumat kompeten yang lain.
5. Klik pada pautan **Seterusnya** atau **Bahagian D.**

## Bahagian D – Pengakuan Pemohon




1. Pada Bahagian V, sila tandakan pada kotak pengakuan (*Saya mengaku bahawa maklumat yang terkandung di dalam pemohonan ini adalah benar*)
2. Klik butang **Simpan Draf** untuk menyimpan permohonan secara draf.
3. Klik butang **Hantar** untuk mendaftarkan permohonan – **JG11 : Permohonan Lesen Gas Persendirian.**

## Pendaftaran Berjaya Dihantar




1. Maklumat ringkas berkaitan permohonan akan dipaparkan seperti **No. Rujukan, Tarikh Permohonan, Status Permohonan** dan **ID Pemohon.**
2. Prebiu untuk cetakan borang permohonan akan dipaparkan di bahagian bawah.
3. Sila klik pada ikon **Pencetak** untuk mencetak Borang Permohonan.